



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI 2010 *SENIBINA***

**KOD : PTS01**  
**SUBJEK : LUKISAN SPESIFIKASI**  
**TARIKH : 23 OGOS 2010**  
**MASA : 9.00 PAGI – 12.00 TGH**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PTS01 – TULISAN SPESIFIKASI**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan**

**SOALAN 1**

- a) Nyatakan **lima (5)** perkara utama yang terkandung dalam Spesifikasi Piawai untuk Kerja-kerja Binaan Bangunan yang dikeluarkan oleh JKR.

*(10 markah)*

- b) Dalam Kehendak-kehendak Permulaan dan Syarat-syarat Am Spesifikasi Piawai seperti item di bawah ini, terangkan apakah arahan kepada kontraktor yang dinyatakan untuk setiap satunya.

- i) Metrikasi
- ii) Bekalan bahan-bahan oleh Kerajaan
- iii) Kerosakan pada jalan sedia ada
- iv) Papan tanda projek

*(10 markah)*

SOALAN 2

a) Namakan **dua (2)** bahan buatan Malaysia yang tersenarai dalam Spesifikasi Piawai bagi setiap perkara berikut:

- i) Konkrit
- ii) Kelengkapan Kebersihan
- iii) Jubin/Genting
- iv) Hasilan Logam
- v) Panel/Kepingan

*(10 markah)*

b) Berikan definisi Spesifikasi Piawai JKR dan terangkan dengan ringkas kegunaannya dalam sesuatu kontrak pembinaan bangunan.

*(10 markah)*

SOALAN 3

a) Nyatakan Kehendak Am bagi kerja-kerja penggalian sebelum kerja-kerja pembinaan di tapak dijalankan.

*(5 markah)*

b) Terangkan secara terperinci, langkah-langkah yang perlu diambil oleh kontraktor sekiranya semasa kerja-kerja penggalian di tapak, terdapat paip-paip dalam tanah di kawasan tersebut.

*(5 markah)*

c) Nyatakan dengan terperinci bagaimana kerja-kerja penggalian untuk membina asas binaan lurang dan perparitan dilakukan.

*(5 markah)*

d) Apakah yang perlu dilakukan oleh kontraktor bagi melindungi pokok-pokok yang sedia ada di tapak?

*(5 markah)*

SOALAN 4

a) Berpandukan kepada spesifikasi bagi kerja-kerja kayu, tuliskan **dua (2)** jenis kayu bagi setiap kumpulan berikut:

- i) Kumpulan A
- ii) Kumpulan B
- iii) Kumpulan C
- iv) Kumpulan D

*(10 markah)*

b) Tuliskan kumpulan kayu berdasarkan kegunaannya seperti berikut:

- i) Tiang dan rasuk
- ii) Tangga
- iii) Lantai gimnasium

*(6 markah)*

c) Terangkan dengan ringkas spesifikasi bagi:

- i) Agregat halus
- ii) Agregat kasar

*(4 markah)*

SOALAN 5

- a) Tuliskan kehendak-kehendak am bagi kerja-kerja penyediaan tanah sebelum penanaman pokok dilakukan di tapak bina mengikut Spesifikasi Piawai JKR.

(5 markah)

- b) Sediakan spesifikasi bagi perkara-perkara berikut:

- i) Penanaman rumput
- ii) Penanaman pokok
- iii) Penjagaan pokok dan tumbuhan di tapak bina

(15 markah)

SOALAN 6

- a) Huraikan perkara-perkara yang berikut:

- i) Pintu kayu rata

(5 markah)

- ii) Pintu rintangan api

(5 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi *iron mongery* yang perlu bagi bukaan yang dinyatakan di bawah:

- i) Pintu rata 1 daun
- ii) Pintu rata 2 daun
- iii) Pintu gelangsar
- iv) Tingkap kesmen bingkai kayu
- v) Pintu bilik air

(10 markah)

SOALAN 7

- a) Tuliskan spesifikasi untuk kerja-kerja di bawah:
- i) Kerja-kerja pemasangan genting tanah liat (*clay tiles*)
  - ii) Kerja-kerja membina dinding luar bangunan dengan menggunakan bata muka.

(10 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi untuk kerja-kerja berikut:
- i) Mengecat permukaan kerja kayu baru
  - ii) Mengecat permukaan kerja keluli sedia ada

(10 markah)

SOALAN 8

- a) Tuliskan spesifikasi ringkas pemasangan perkara berikut:
- i) Besen basuh
  - ii) Pam tandas

(6 markah)

- b) Nyatakan jenis dan spesifikasi kerja bagi lapisan kalis air.

(4 markah)

**SOALAN 8 (sambungan)**

- c) Terangkan spesifikasi berikut:
- i) Kerja lepaan shanghai pada dinding batu bata
  - ii) Kepingan siling *chipboard*
  - iii) Kemasan lantai *homogeneous tiles* beserta kambi tinggi 100 mm.
  - iv) Kemasan dinding jubin gilap (*glazed tiles*)

(10 markah)

**SOALAN 9**

- a) Dinding batu bata adalah elemen paling popular dalam pembinaan bangunan di mana pematuhan terhadap spesifikasi pembinaannya mesti dititikberatkan. Tuliskan spesifikasi piawai secara am kerja batu bata yang berkaitan perkara berikut:
- i) Penyediaan awal batu bata oleh kontraktor sebelum ianya diikat.
  - ii) Kerja-kerja mengikat batu bata
- b) Beberapa kerja lain berkaitan batu bata amat penting dan terdapat di dalam spesifikasi piawai JKR. Apakah yang dinyatakan di dalam spesifikasi tersebut untuk perkara berikut:
- i) Corak ikatan
  - ii) Kerja batu bata muka
  - iii) Pemetongan batu bata
  - iv) Lapisan kalis lembap dalam kerja batu bata

(10 markah)

SOALAN 10

- a) Kaca hendaklah bebas daripada bebola angin, bintik-bintik dan sebarang kecacatan lain di mana contoh kaca hendaklah diluluskan oleh Pegawai Penguasa/Pengarah Projek. Nyatakan **lima (5)** jenis kaca yang dinyatakan dalam Spesifikasi Piawai JKR.

*(5 markah)*

- b) Apakah spesifikasi piawai pemasangan kaca?

*(5 markah)*

- c) Nyatakan spesifikasi pemasangan kaca pada tingkap logam.

*(5 markah)*

- d) Terangkan kaedah-kaedah pemasangan blok kaca seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Piawai JKR.

*(5 markah)*

\*\*\*\*\*